

PENGAJARAN BAHASA ARAB MENERUSI AL-QURAN, Oleh penulis Sohair Abdel Moneim Sery, Pustaka Haji Abdul Majid. 2010 Pp 763.

Buku ini terdiri daripada 3 bahagian. Bahagian 1 terdiri daripada 20 pelajaran iaitu:

- 1) Anggota Keluarga
- 2) Apakah yang anda buat setiap pagi/dialog pagi
- 3) Rumah Saya
- 4) Bilik Makan
- 5) Perbualan Semasa Bersarapan
- 6) Dialog Antara Dua Orang Kawan
- 7) Pagi Hari Ahad
- 8) Di Kedai Penjual Daging
- 9) Di Kedai Penjual Ayam
- 10) Di Kedai Penjual Sayur
- 11) Di Kedai Penjual Buah-buahan
- 12) Di Kedai Runcit
- 13) Urusan Membuka Akaun Bank
- 14) Dialog Di Bank
- 15) Di Pejabat Pos
- 16) Dialog Di Klinik Doktor
- 17) Pemeriksaan Terhadap Pesakit Perempuan
- 18) Cadangan Makan Di Restoran
- 19) Dialog Di Restoran (A)
- 20) Dialog Di Restoran (B)

Manakala bahagian 2 pula tentang beberapa pecahan kata dalam ayat-ayat al-Quran, dan bahagian 3 tentang Senarai Perkataan Bahasa Arab yang disusun mengikut huruf abjad.

Setiap tajuk dalam Bahagian 1 buku ini dimulakan perbualan hiwar mengikut topik yang diberikan, kemudian diikuti dengan penjelasan dan perbincangan. Dalam penjelasan dan perbincangan, penulis menghuraikan makna perkataan yang digunakan dalam hiwar tersebut dengan lebih terperinci lagi. Penjelasan juga dibuat berdasarkan ilmu nahu Bahasa Arab, secara berperingkat mengikut tajuk Nahu. Penulis juga memberikan contoh-contoh lain berdasarkan tajuk Nahu tadi. Dalam huraian seterusnya, penulis memperkenalkan beberapa perkataan baru berkaitan topik yang diperkenalkan. Kemudian, memperkenalkan perkataan tersebut dengan kata nama bagi bilangan tunggal (مفرد), kata nama bagi bilangan dua (مثنى), dan kata nama bagi bilangan ramai (جمع).

Perbendaharaan kata diperluaskan lagi dengan memberi kata lawan bagi setiap perkataan yang dipelajari. Akhir sekali, barulah penulis memberikan beberapa contoh daripada al-Quran al-Karim yang mengandungi perkataan yang telah diperkenalkan dalam topik hiwar terdahulu.

Di sinilah, titik permulaan tentang bagaimana pengajaran Bahasa Arab menerusi al-Quran. Penulis telah menggunakan beberapa ayat al-Quran untuk menunjukkan bahawa perkataan yang dipelajari terdapat dalam al-Quran. Perkataan dalam al-Quran itu digariskan supaya pembaca dapat memahami dengan betul makna perkataan tersebut dalam al-Quran. Pada topik seterusnya bahagian 1, penulis masih lagi mengekalkan konsep yang sama. Setiap tajuk dalam bahagian 1 dimulai dengan perbualan antara 2 orang yang diletakkan di dalam kolom. Sebelum dimulakan hiwar, penulis telah meletakkan gambar bagi setiap topik yang dipelajari. Setiap topik akan diperkenalkan dengan tajuk Nahu yang baru bersesuaian dengan kandungan hiwar. Setiap penjelasan disertai dengan contoh-contoh lain supaya pembaca lebih memahami topik yang dipelajari kerana penulis hanya menggunakan perbualan yang pendek.

Persamaan bagi setiap topik buku ini dalam bahagian 1 ialah setiap perkataan yang baharu dipelajari akan disertakan kata nama bagi bilangan tunggal (mufrad), dua (muthanna) dan banyak (jama'). Ini bertujuan untuk mempelbagaikan kata nama tersebut mengikut jumlah bilangan.

Setiap topik juga akan diakhiri dengan contoh-contoh perkataan dalam al-Quran untuk menepati objektif penulisan buku ini iaitu mempelajari bahasa Arab menerusi al-Quran. Dengan itu, pembaca dapat menghubungkan makna perkataan baru dengan pemahaman berdasarkan ayat al-Quran. Penulis juga tidak ketinggalan untuk meluaskan perbendaharaan kata dengan memberi makna seerti dan makna berlawanan. Bilangan contoh ayat al-Quran juga bertambah dari setiap topik ke setiap topik.

Penulis juga mengupas perkataan baharu dengan ilmu Sorf (صرف) iaitu ilmu tentang pembinaan perkataan (kalimah) dalam bahasa Arab. Daripada 1 perkataan asal menjadi beberapa pecahan perkataan baharu dengan makna yang berbeza. Tujuan mengetahui pecahan-pecahan perkataan tersebut atau disebut (al-Mustaaqaat) untuk membanyakkan lagi kosa kata dalam Bahasa Arab menggunakan kata dasar yang sama.

Dalam mempelajari Bahasa Arab sebagai bahasa asing atau bahasa kedua, perbendaharaan kata amat penting supaya dapat digunakan dalam bentuk lisan atau penulisan.

Huraian perkataan dalam perbualan juga diperincikan dengan memberi kata nama yang digunakan untuk lelaki dan perempuan kerana perkataan Bahasa Arab berbeza mengikut jantina. Pembaca dapat mengetahui lebih jelas perkataan yang patut digunakan merujuk kepada orang yang kita bercakap samada lelaki atau perempuan.

Selain itu, penggunaan kata kerja dalam topik dihuraikan untuk penggunaan mengikut masa. Kata kerja dalam Bahasa Arab terbahagi kepada 3 masa iaitu masa lepas (فعل ماضي), masa sekarang (فعل مضارع) dan kata kerja suruh (فعل أمر). Pembaca boleh memahami penggunaan kata kerja ini mengikut keadaan masa penggunaan kata kerja tersebut.

Kesimpulannya, topik tatabahasa Arab dalam buku ini merangkumi tajuk – tajuk seperti di bawah:

- | | |
|------------------|------------------------------|
| 1) اسم الإشارة | 8) المذكر والمؤنث |
| 2) اسم الاستفهام | 9) المفرد والمثنى والجمع |
| 3) لام التعليل | 10) الفعل وأنواعه |
| 4) الضمائر | 11) الأفعال الخمسة |
| 5) الجمع وأنواعه | 12) لام النافية ولام الناهية |
| 6) العدد | 13) أن المصدرية |
| 7) الإضافة | 14) المصدر |

الحروف (س-سوف-ب-ف) (15)

Dan tajuk morfologi seperti:

1) النسبة

2) المشتقات

Huraian dalam tatabahasa juga termasuk perubahan makna pada perkataan jika berubah baris daripada فتحة kepada كسرة dan sebaliknya.

Di sini, dapatlah dinyatakan bahawa penulis membincangkan topik –topik dalam bab Nahu dan Sarf dalam Bahasa Arab secara tidak langsung dalam bahagian 1 bagi 20 tajuk. Penulis juga menggunakan kaedah syarah nas berbentuk hiwar atau pernyataan (خبري أو إنشائي) secara keseluruhan.

Dalam satu nas, penulis mencampur aduk dengan topik nahu dan sarf. Pada masa sama, memperkenalkan makna seerti dan berlawanan dan dalil ayat Quran bagi setiap nas.

Penulis tidak membezakan tajuk berkaitan teks kefahaman, tajuk-tajuk pelajaran Nahu dan Sarf, dan ayat-ayat al-Quran, tetapi diterangkan secara keseluruhan (ijmali) dalam bab penjelasan dan perbincangan.

Bahagian 2 pula menyentuh tentang 284 ayat-ayat al-Quran dengan menyatakan ayat al-Quran berserta terjemahannya. Kemudian, penulis menggariskan setiap ayat dengan satu perkataan. Pemilihan perkataan ini adalah berdasarkan perkataan yang digunakan di dalam dialog-dialog pada bahagian satu mengikut susunan. Penulis juga bukan sahaja memilih ayat-ayat al-Quran yang terdapat perkataan di dalam dialog-dialog, tetapi juga beberapa pecahan kata berdasarkan perkataan dalam pelajaran 1-20.

Tujuan penulis untuk memberikan contoh-contoh daripada ayat-ayat al-Quran pada bahagian 2 supaya pembaca menyambung dalam mempelajari Bahasa Arab menerusi al-Quran.

Pada bahagian 3, penulis menyenaraikan perkataan mengikut susunan huruf hijaiyyah bermula dari huruf ا hingga ي . Penulis pula menyambung senarai perkataan mengikut abjad A hingga Z. Penulis telah menggunakan teknik perkamusan bagi menerangkan perkataan Bahasa Arab iaitu daripada Bahasa Arab – Bahasa Melayu, dan Bahasa Melayu – Bahasa Arab. Ini kerana untuk menambahkan lagi kefahaman serta penjelasan perkataan tersebut.

Dengan susunan ketiga-tiga bahagian ini, maka lengkaplah buku “Pengajaran Bahasa Arab Menerusi Al-Quran”.

Dari segi kekuatan buku ini, jarang kita lihat penulis buku yang mengaitkan kaedah mengajar Bahasa Arab menggunakan al-Quran. Kebanyakan buku di pasaran masih mengasingkan antara subjek Bahasa Arab dan Al-Quran. Rata-rata subjek Bahasa Arab dan Al-Quran yang diajar di sekolah-sekolah Malaysia mengajar kedua-dua subjek ini secara terpisah. Sehingga ‘perpisahan’ ini dibawa ke IPT awam dan swasta. Ramai kalangan pelajar di Maahad Tahfiz lemah dalam Bahasa Arab, walaupun mereka juga menghafaz al-Quran kerana kaedah pengajaran yang tidak menggabungkan antara bahasa al-Quran dan Bahasa Arab. Dengan lahirnya buku ini, dapatlah kita memahami bahasa Arab adalah bahasa yang terbit dari al-Quran. Kaedah gabung jalin antara bahasa Arab dan bahasa al-Quran amat digalakkan kerana secara tidak langsung kita memahami makna al-Quran secara langsung apabila mempelajari bahasa Arab. Ini menepati objektif belajar Bahasa Arab untuk memahami al-Quran yang merupakan panduan hidup mukmin. Jika kita tidak memahami bahasa al-Quran, bagaimana kita dapat mengambil pelajaran daripadanya untuk dijadikan panduan hidup. Dalam surah al-Qamar.

Firman Allah Taala:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا فِي الْقُرْآنِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ

Jelas daripada ayat tersebut bahawa Allah menerangkan al-Quran amat mudah dipelajari, tetapi adakah kita sendiri yang ingin mengambil pelajaran daripadanya walaupun al-Quran itu mudah dipelajari dan difahami. Dengan adanya buku ini di pasaran, masyarakat telah didedahkan dengan teknik baru mempelajari bahasa Arab iaitu menerusi al-Quran. Buku ini mempunyai keistimewaan tersendiri kerana kurangnya penulisan buku seperti ini dan masyarakat masih belum didedahkan dengan teknik seperti ini.

Cuma, terdapat beberapa kelemahan dalam penulisan buku ini. Penulis sepatutnya tidak perlu mencampur adukkan semua bahagian dalam setiap satu pelajaran. Penulis boleh mengasingkan bahagian Nahu dan Sarf, bahagian hiwar dan maknanya supaya nampak lebih tersusun dari satu pelajaran ke pelajaran baru yang lain bagi setiap 20 pelajaran dalam bahagian 1. Walaupun, niat penulis untuk mengajar sekaligus bahasa Arab dari segi kosa katanya, perkataan dalam al-Quran dan subjek tatabahasa Arab melalui nas yang sama, adalah lebih baik diasingkan setiap bahagian dalam setiap pelajaran supaya pembaca dapat memahami lebih jelas cabang-cabang ilmu yang ada dalam bahasa Arab dari segi kemahiran bertutur, menguasai kosa kata melalui al-Quran dan tatabahasa Arab.

Buku ini perlu disusun supaya memudahkan pembaca beralih dari teks kefahaman kepada memahami perkataan dalam teks menggunakan ayat al-Quran, kemudian diikuti pembelajaran Nahu dan Sarf. Setiap tajuk Nahu diajar secara maudui (موضوعي) dari satu pelajaran kepada satu pelajaran mengikut tertib yang betul.

Sebagai contoh, pembaca diajar dengan mengenal pembahagian kalimah dari segi kata nama, kata kerja dan huruf, diikuti pula kata nama berdasarkan jantina, dan kata nama berdasarkan bilangan. Penulis boleh mengambil contoh secara terus dari al-Quran berkaitan setiap tajuk yang dipelajari. Ini memudahkan pembaca memahami secara tersusun pelajaran bahasa Arab yang ingin disampaikan mengikut pelajaran 1-20.

Cadangan seterusnya supaya menyenaraikan nama-nama di dalam al-Quran, sebelum menggunakannya dalam teks perbualan. Seperti nama-nama haiwan, nama-nama anggota badan yang disebut di dalam al-Quran dijadikan topik pelajaran. Kaedah ini dipanggil *top to down*, kerana kaedah penyampaian buku ini menggunakan *down to top*. Bermakna tema-tema pelajaran diambil dari nama-nama tema dalam al-Quran, bukan berdasarkan situasi dialog harian atau tempat berlaku dialog.

Kemudian, perbualan harian juga boleh ditambah dengan menggunakan kata suruh dan kata larang kerana al-Quran merupakan bahasa komunikasi antara Allah dan makhlukNya, manusia. Penulis boleh menyenaraikan senarai kata kerja suruh (فعل أمر) dan kata kerja larang (فعل نهى) dan menterjemahkannya dalam teks berdasarkan situasi perbualan di rumah. Buku ini juga tidak perlu diasing mengikut bahagian 1,2 dan 3. Penulis boleh menghasilkan satu bahagian tapi menggunakan pendekatan pedagogi yang sesuai bagi setiap tema yang dipilih berdasarkan al-Quran, kerana berlakunya pertindangan penerangan dalam contoh-contoh al-Quran yang diberikan pada bahagian 1 dan bahagian 2.

Walau bagaimanapun, penulis buku ini patut dipuji kerana kesungguhan beliau merujuk ayat-ayat al-Quran sebagai rujukan kepada perkataan yang digunakan dalam kehidupan harian dan mengaitkan dialog kehidupan kita dengan al-Quran. Kesungguhan penulis membentangkan 284 rujukan ayat al-Quran bukanlah sesuatu yang mudah untuk dihasilkan, kemudian diikuti senarai kata dengan menyusun menjadi sebuah kamus. Usaha seperti ini harus diteladani kepada penulis-penulis Bahasa Arab yang akan datang. Merujuk kepada mukasurat yang dihasilkan sebanyak 763 mukasurat menunjukkan betapa jitunya penulis ingin mengajar Bahasa Arab menerusi al-Quran. Semoga usaha beliau menjadi panduan dan contoh kepada penulis lain yang berminat menghasilkan buku seperti ini. Saya amat menggalakkan pembaca membaca buku ini sebagai rujukan untuk memahami bahasa al-Quran yang diturunkan dalam Bahasa Arab.

Norfaezah Mohd Hamidin

Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).